



**Nestlé** Good food, Good life

## **Siaran Akhbar**

Petaling Jaya, 19 Disember 2023

### **Meneruskan Tradisi Sukan Selama Lebih Sedekad: Anugerah Sukan KPM-MSSM-MILO® 2022**

**PETALING JAYA, 19 DISEMBER 2023** – Dengan bertujuan untuk memberi penghormatan kepada kecemerlangan sukan dalam kalangan juara sukan negara yang kian meningkat dan memberi inspirasi kepada golongan muda untuk mengamalkan gaya hidup aktif, MILO® telah berganding bahu dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) selama lebih daripada enam dekad yang lalu dan telah menjadi peneraju dalam menganjurkan Anugerah Sukan KPM-MSSM-MILO® sejak tahun 1968.

Dalam edisi yang ke-54 tahun lepas,, majlis Anugerah KPM-MSSM-MILO® 2022 yang diadakan di Everly Hotel, Putrajaya baru-baru ini mengiktiraf pencapaian luar biasa bakat-bakat muda dalam 13 kategori dan juga barisan guru dan jurulatih yang menyokong mereka dalam perjalanan mencapai kecemerlangan sukan. Antara penerima anugerah 2022 ialah Muhammad Azeem Mohd Fahmi, yang memenangi Anugerah Emas KPM. Bintang lari pecut dari Melaka yang berumur 19 tahun ini menunjukkan prestasi cemerlang apabila merangkul pingat gangsa di Sukan Asia 2023 dalam acara 100m, pingat pertama yang dimenangi dalam 100m oleh seorang rakyat Malaysia selepas tempoh 41 tahun.

Setelah mengiktiraf lebih daripada 500 pemenang, anugerah terulung ini sekali lagi memaparkan kebolehan atlet muda Malaysia dengan bakat bertaraf dunia, sambil turut memberikan sokongan kepada individu yang telah memberikan sumbangan berharga kepada kejayaan mereka.

Lim Ker Win, Pengurus Pemasaran Sukan MILO, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Menyokong pembangunan sukan di peringkat akar umbi sememangnya merupakan sebahagian daripada warisan MILO selama berdekad-dekad. MILO telah menjadi sinonim dengan Malaysia, mencerminkan hubungan yang mendalam dengan rakyat Malaysia. Menerusi usaha sama ini, yang telah memainkan peranan penting memupuk budaya kecemerlangan menerusi sukan sejak dari usia muda, kami berbangga dan seronok menyaksikan pencapaian hebat atlet muda dari segenap lapisan hidup."

"Sebagai jenama yang telah berkembang maju seiring rakyat Malaysia sejak turun-temurun, sesungguhnya kami memahami kepentingan sokongan yang diperlukan untuk menyemai nilai-nilai penting menerusi sukan yang boleh menyerlahkan potensi seseorang dalam hidup. Kami gembira kerana berpeluang untuk membantu mencungkil bakat-bakat muda ini yang akan menjadi juara masa depan dan mengiktiraf para guru, jurulatih dan wira tidak didendang lain yang telah membantu memberikan dorongan kepada mereka."

Sebagai salah satu platform yang paling berpengaruh dalam arena sukan Malaysia, usaha MSSM telah diperkukuh menerusi kerjasama jangka panjang dengan MILO sebagai penaja utama sepanjang tujuh puluh tahun lepas.

MSSM telah memainkan peranan penting dalam mencungkil bakat-bakat tersembunyi di kalangan anak-anak muda di sekolah rendah dan menengah, mendorong mereka untuk mengejar impian dan menempa nama dalam pelbagai arena sukan. Pada hari ini, Anugerah KPM-MSSM-MILO® menjadi landasan bagi atlet yang sedang meningkat naik untuk melangkah lebih jauh dan mewakili Malaysia di peringkat global.

Lim Ker Win menambah, “Di MILO, kami memahami impak sukan dan komited untuk memainkan peranan kami dalam menyokong dan menerajui lebih banyak inisiatif yang mengetengahkan nilai-nilai positif yang dihasilkan oleh sukan. Kami berharap para pemenang tahun ini akan terus berusaha untuk mencapai impian dan cita-cita mereka dan lebih ramai generasi muda Malaysia menyedari dan menghargai nilai sukan dan manfaatnya yang melangkaui arena.”

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif MILO dalam pembangunan sukan di peringkat akar umbi dan juga penglibatan masyarakat, sila layari [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my)

###

#### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

#### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456  
+6012 235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com)

**Deepa Mukundan atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 426 5857 (Deepa) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)